



**UNTUK SIARAN SEGERA**

**KENYATAAN MEDIA  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA**

**ULASAN BERKENAAN PENINGKATAN PENDARATAN  
IKAN DI PANTAI BARAT**

1. Peningkatan pendaratan ikan atau musim ikan banyak yang sedang berlaku sekarang disebabkan faktor musim ikan matang terutamanya ikan kembung. Tren pendaratan ikan kembung menurun pada bulan Januari hingga Mac dan akan meningkat mulai April setiap tahun.
2. Ikan Kembung adalah antara spesies ikan pelagik yang mudah diperolehi di kawasan perairan Malaysia dengan menggunakan peralatan Pukat Jerut dan juga Pukat Hanyut. Ikan ini berhijrah mengikut taburan plankton dan juga suhu permukaan laut.
3. Terdapat dua spesies utama Ikan Kembung di Malaysia, iaitu spesies *R. kanagurta* (Kembung Borek) biasanya berada lebih jauh ke lautan dan *R. brachysoma* (Kembung Pelaling) yang senang diperolehi di kawasan pantai.
4. Berdasarkan kajian *recruitment patterns* yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), stok ikan kembung akan mula tertangkap oleh pukat nelayan mulai April yang mana ini berkait dengan musim bertelur yang mengambil masa anggaran 8 bulan untuk ikan matang.

5. Ikan kembung juga merupakan sumber yang dikongsi (*shared stock*) dengan negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Myanmar dan peningkatan pendaratan pada masa ini disebabkan sumber bergerak ke perairan kita termasuk perairan Thailand dan Indonesia.

6. Semasa bulan Julai, ikan ini didapati telah berada di kawasan perairan Malaysia, oleh itu peningkatan sumber Kembung Pelaling boleh berlaku dan memberi keuntungan kepada nelayan tempatan di Pantai Barat Semenanjung.

7. Stok ikan meningkat hasil dari pemuliharaan sumber dan penguatkuasaan peraturan perikanan yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), selain inisiatif bersama negara-negara ASEAN di bawah platform SEAFDEC untuk pengurusan sumber perikanan secara mapan.

8. Menurut kajian Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), sejak tahun 2003 hingga 2016, pendaratan Kembung Pelaling adalah melebihi 2 kali ganda dari Kembung Borek dengan rekod tertinggi mencecah 60,000 tan metrik pada tahun 2010. Dengan mengambil kira aliran pendaratan yang sama, jangkaan pendaratan untuk 2018 adalah meningkat melebihi paras untuk tahun 2017 yang mencatatkan pendaratan Kembung Pelaling sebanyak 80,200 tan metrik. Fenomena ini dilihat seiring dengan peningkatan Kembung Pelaling yang berlaku sekarang, di mana pergerakan arus di perairan ini meningkatkan jumlah fitoplankton sebagai makanan ikan dan mendorong ikan bergerak ke kawasan ini.

9. Ada peningkatan stok baru yang nelayan pantai dapat tangkap sekarang ini. Nelayan pukat hanyut tangkap di kawasan pantai 2-3 Batu Nautika. Sebelum ini nelayan pantai terpaksa pergi jauh ketengah laut untuk dapatkan ikan.

10. Faktor alam sekitar memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pergerakan ikan kembung dan kejayaan pembiakan. Keadaan di mana proses pembiakan amat berjaya akan menyebabkan lambakan ikan. Apabila alam sekitar tidak sesuai maka pembiakan adalah tidak berjaya dan menyebabkan kekurangan ikan.

###

Kenyataan Media ini disiarkan oleh :

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia  
Wisma Tani, Putrajaya

23 Julai 2018 (Isnin) jam 3 petang

Sebarang pertanyaan sila hubungi:-

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen)  
013-631 7313 (Sharir)  
Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my